

Pengunaan Kursus allTalk Bahasa Inggeris



Linguaphone AllTalk English adalah kursus baru yang keseluruhannya terdiri daripada kursus perbualan/ audio sahaja. Ia telah diubah suai bagi membantu anda memahami dan bertutur dalam bahasa Inggeris tanpa perlu anda melihat bahan bacaan selain daripada tajuk pengenalan dan tatabahasa yang perlu difahami.

Sepanjang kursus ini anda akan mendengar penutur asal Bahasa Inggeris bercakap secara biasa dan dengan berlatih anda akan cepat memahami, seterusnya bercakap dalam bahasa Inggeris sepertimana yang dituturkan oleh penutur asal. Ini kerana anda akan mendengar bagaimana bahasa itu dituturkan bukannya anda melihat secara bertulis, dengan ini anda mampu bercakap dalam bahasa Inggeris seperti penutur asalnya.

Amat sukar untuk bercakap dalam bahasa Inggeris dengan betul sedangkan anda hanya melihat perkataannya dalam huruf yang difahami. Disertakan dengan bunyian ianya dapat memberikan anda keyakinan dengan apa yang anda dengar, malah mencetuskan keinginan untuk mendalami bahasa itu sendiri sebelum berani menggunakannya atau bertindakbalas dengannya.

Bagaimana menggunakan Linguaphone AllTalk

Linguaphone AllTalk menggunakan kaedah yang telah diuji berkesan iaitu **Mendengar, Faham dan Cakap**. Setiap unit terbahagi kepada beberapa slot pendek (dengan alunan muzik ringkas) dan ianya menyeronokkan sehingga anda rasa yakin dengan tatabahasa dan perbendaharaan kata. Setiap slot diadakan mengikut tahap yang mampu anda ikuti. Jangan terlalu memaksa diri anda. Berhenti bila anda rasa perlu sama ada berehat sebentar atau ulang dengar apa yang telah anda pelajari.

Kelebihan kursus audio ini adalah anda dapat menguasai bahasa dengan kemampuan sedia ada anda. Jika anda menghadapi apa-apa kesukaran mungkin tatabahasa, sebutan, susun atur perkataan dan sebagainya, anda boleh mengulang-kaji semula bahagian tersebut Bila anda rasa betul-betul yakin dengan apa yang telah anda pelajari, teruskan dengan peringkat berikutnya.

Beserta dengan tatabahasa dan perbendaharaan kata, ianya juga mengandungi dialog, ujian pemahaman dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lain. Anda juga akan mendengar beberapa bahagian yang dikenali sebagai 'kotak kerja', bahagian ringkas di mana anda boleh mendengar perkataan Inggeris dituturkan dalam bentuk yang berlainan. Kata kerja yang ditekankan juga akan diulang selepas perbendaharaan kata yang disebutkan dalam pengenalan ini.

Penceritaan

Aspek penting dalam Linguaphone AllTalk dan cara yang paling berkesan malah menghiburkan bagi mempelajari sesuatu bahasa adalah melalui teknik penceritaan yang banyak digunakan dalam kursus ini.

Kursus ini disusun dalam beberapa siri dialog sebuah cerita rekaan. Alamo Plastic adalah sebuah syarikat yang terletak di Bandar Houston, Texas. 3 tahun lepas syarikat ini telah membiayai projek Stortford Laboratory iaitu sebuah makmal kecil berdekatan Cambridge di England.

Usul utama projek ini sangat menarik dan formula yang dihasilkan oleh pengurus Stortford, Prof Kelly berpotensi besar membawa keuntungan. Namun akibat masalah kewangan yang serius melanda syarikat Alamo, projek ini terpaksa ditangguhkan dan Pengurus Alamo, Roger Lewis berkemungkinan akan dipenjarakan. Bagi menyelamatkan situasi genting ini Lewis telah mengarahkan pekerjaanya Jude Lohring pergi ke England bagi mendapatkan formula tersebut dan membawanya balik ke Texas.

Kisah formula tersebut dan pengalaman Jude semasa lawatan ke England bermula dalam Unit 1 ketika beliau tiba di Makmal Stortford dan berjumpa dengan Micheal iaitu penolong Prof Kelly. Dialog dalam cerita ini diteruskan ke unit berikutnya dan dalam unit ke 4, anda boleh mendengar semula bahagian cerita tersebut tetapi dalam bentuk yang telah diubah mengikut pelbagai bahasa yang anda dengar sebelum ini.

Daripada cerita tersebut yang berlaku di England dan US, anda boleh mendengar dan mempelajari perbendaharaan kata, tatabahasa dan sebutan yang digunakan dalam bahasa dialek Inggeris British dan Inggeris Amerika.

Berkomunikasi sebaik yang anda boleh

Sepertimana bahasa yang lain, bahasa Inggeris juga mempunyai undang-undang dan peraturan. Setengahnya mengambil masa untuk dikuasai tetapi jangan jadikan ia sebagai halangan. Apa yang penting adalah anda perlu selalu berkomunikasi. Lebih baik anda terus bercakap walau pun ada kesalahan daripada anda tidak menyebutnya langsung. Ini merupakan satu cara atau peraturan untuk anda berjaya dalam kursus ini iaitu mendengar dan berkomunikasi sebaik yang anda boleh.